



HIGHER SCHOOL CERTIFICATE EXAMINATION

1999
MALAY
FOR BACKGROUND SPEAKERS
2/3 UNIT (COMMON)
(80 Marks)

*Time allowed—Two hours and a half
(Plus 5 minutes reading time)*

DIRECTIONS TO CANDIDATES

Section I (20 marks)

- Answer this Section in a SEPARATE Writing Booklet.
- All answers MUST be written in MALAY.

Section II (20 marks)

- Answer this section in a SEPARATE Writing Booklet.
- The answer MUST be written in MALAY.

Section III (40 marks)

- Attempt TWO questions.
- Answer each question in a SEPARATE Writing Booklet.
- Answers may be written in EITHER Malay OR English.

SECTION I—READING SKILLS

QUESTION 1 (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

Read the following passage, then answer the questions on page 3 in MALAY.

Bacalah petikan yang berikut, kemudian jawab soalan-soalan pada muka surat 3 dalam BAHASA MELAYU.

Mudah Diklik dan Mengasyikkan

Era televisyen interaktif telah muncul. Penonton dapat membeli-belah atau ikut dalam pengumpulan pendapat melalui televisyen.

Sebuah revolusi kecil-kecilan telah mula melanda industri televisyen Amerika Syarikat. Setidak-tidaknya, penagih televisyen di sekitar Chicago, Los Angeles, dan St. Louis, akan segera menikmati era sajian televisyen interaktif. Sambil menikmati sebuah klip muzik di suatu rangkaian televisyen, mereka dapat langsung memesan kaset atau cakera padat (CD) muzik itu, melalui televisyen yang sama. Ketika rangkaian televisyen tersebut mengadakan tinjauan pendapat, malah kuiz juga, penonton dapat langsung mengirimkan jawapan. Klik!



Untuk mengambil bahagian dalam siaran interaktif ini, penonton tidak perlu susah payah mengangkat gagang telefon – seperti yang perlu ketika mengikuti kuiz televisyen sekarang. Mereka cukup mengklik gambar menu (*icon*) yang terpapar pada skrin dengan menggunakan *remote control*. Inilah hasil kahwin silang teknologi internet dengan televisyen kabel.

Dalam berinteraksi, penonton cukup main 'klik', bak menggunakan komputer. Maklum balas mereka langsung meluncur ke stesen televisyen kabel itu. Jika kita memesan kaset atau CD, permintaan itu akan

TV Interaktif di Amerika: Lebih akrab.

diteruskan ke pemasang iklan atau penerbit rakaman. Beberapa hari kemudian, pesanan itu pun diterima penonton melalui pos. 'Ini benar-benar suatu kejayaan cemerlang yang baru untuk memperkembangkan cara orang menikmati televisyen,' kata Mark Brodie, eksekutif di salah satu rangkaian televisyen, yang telah siap menerapkan teknologi ini.

Sistem baru ini diperkenalkan Axis, syarikat informatika kecil di Alameda, California. Saat ini, 13 rangkaian televisyen di Amerika

Syarikat sudah meneken perjanjian untuk mengaplikasikan aturcara Axis ini. Lapan operator televisyen kabel siap menawarkan sajian baru itu. Program televisyen interaktif ini akan dijual secara rasmi pertengahan tahun ini.

Axis menggunakan aturcara komputer yang kecil, cukup dimuatkan dalam sekeping cakera liut komputer, yang diintegrasikan dengan peti televisyen pelanggan. Ketika aturcara Axis sampai ke televisyen penonton, sebuah *icon* dibentuk pada skrin – siap diakses

QUESTION 1 (Continued)

jika penonton menginginkan keterangan lebih lanjut. Saat penonton mengklik *icon* untuk membeli CD atau mengisi tinjauan pendapat, aturcara Axis akan meneruskan isyarat-isyarat maklum balas itu ke stesen televisyen. Teknologi maklum balas ini sudah digunakan oleh syarikat televisyen kabel. Cuma, selama ini penggunaannya terhad untuk mencatat data tagihan berdasarkan berapa kali digunakan oleh penonton (*pay per view*).

Kelebihan Axis, penonton tak perlu pintar main komputer. Cukup dengan mengklik *icon*, petunjuk berikutnya akan muncul. 'Aturcara Axis adalah aturcara interaktif yang sangat sederhana, tapi merupakan media yang sangat berpotensi untuk stesen televisyen. Mengasyikkan,' kata Simon Farquhar, pengasas dan pengarah Axis.

Selain sederhana, aturcara ini juga murah. Stesen televisyen tidak perlu mengeluarkan banyak wang untuk mengaplikasikannya. Para pelanggan televisyen kabel tidak perlu pula menambah banyak wang

yuran untuk menikmati fungsi interaktif ini. Dengan kelebihan itu, Farquhar menduga, program ini akan cepat tersebar luas.

Tahun ini, Axis menganggarkan bahawa sekitar 1.5 juta daripada 65 juta rumah tangga yang melanggan televisyen kabel akan menikmati program interaktif ini. 'Program ini risiko kegagalannya kecil, sementara potensi kejayaannya besar,' kata Brodie. Bagi operator televisyen kabel, aturcara Axis dapat digunakan untuk menyempurnakan data jumlah jam salurannya digunakan pelanggan. Aturcara maklum balas yang saat ini digunakan televisyen kabel, datanya seringkali kurang jitu.

Pada hemat Farquhar, stesen televisyen dapat menerima keuntungan daripada sistem Axis ini tanpa mengutip biaya tambahan daripada penonton. Salah satu keuntungannya, stesen televisyen kabel dapat menjadikannya sebagai program ekstra. Misalnya, ada stesen televisyen yang menggunakan Axis untuk memancarkan data ramalan cuaca. Ada juga yang

mengisi aturcara Axis dengan jenaka ringan. Selain itu, Axis juga boleh dijadikan alat perdagangan, diisi dengan iklan interaktif. Syarikat kereta Chrysler, misalnya, bersedia membayar untuk mengetahui siapa saja bakal pembeli yang memberi reaksi saat iklan kereta baru mereka, Dodge Durango, ditayangkan.

Pengeluar Axis sendiri menerima fulus daripada penjualan lesen aturcara mereka kepada stesen-stesen televisyen. Untuk langkah selanjutnya, Axis berniat menjadi operator untuk melayani setiap transaksi melalui televisyen kabel ini. Daripada setiap transaksi, mereka akan mengutip komisen tertentu. Kini, Axis sedang menumpukan perhatian mereka pada syarikat-syarikat yang melakukan penjualan langsung ke rumah melalui televisyen, umpamanya TV Media. 'Kami mengharapkan, program ini cepat popular di kalangan penonton, sehingga dapat menarik perhatian para pengiklan,' kata Farquhar.

Marks

- | | |
|---|----------|
| (a) Perenggan pertama (dari 'Sebuah...' sampai 'Klik!') berkesan sebagai pembukaan bagi rencana ini. Setujukah anda? Mengapa? | 3 |
| (b) Jelaskan kebaikan-kebaikan aturcara Axis. | 4 |
| (c) Nyatakan kegunaan-kegunaan televisyen interaktif yang diutarakan dalam rencana ini. | 4 |
| (d) Rencana ini ditujukan kepada golongan yang mana dari segi gaya bahasa? | 4 |
| (e) Apakah pendirian penulis mengenai televisyen interaktif dan bagaimana pendirian ini dikemukakan melalui gaya penyampaian hujah? | 5 |

SECTION II—WRITING SKILLS**QUESTION 2** (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

Dalam pengajaran bahasa pada zaman pembangunan seperti sekarang, adakah kemahiran berkomunikasi lebih penting daripada kesusasteraan?

Bincangkan perkara ini dalam bentuk syarahan. Mulakan ucapan anda dengan ‘Para hadirin dan hadirat sekalian...’.

Panjang ucapan haruslah lebih kurang 300 patah perkataan.

SECTION III—CONTEMPORARY ISSUES

Answers may be written in EITHER Malay OR English.

Jawapan-jawapan boleh ditulis dalam Bahasa Melayu ATAU Bahasa Inggeris.

NOTE. The Contemporary Issues studied this year are:

- Women in Society
- Development and Change

PERHATIAN. Isu-isu Semasa yang telah dipelajari tahun ini ialah:

- Wanita dalam Masyarakat
- Pembangunan dan Perubahan

QUESTION 3 (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

- (a) Bincangkan perwatakan dalam cerpen *Tanah DAN Bukan Satu Jalan ke Mekah*. Jelaskan bagaimana penulis-penulis berkenaan menggunakan unsur ini untuk menampilkan tema dan pesan.

ATAU

- (b) Bincangkan bagaimana tema 'Perbezaan antara masyarakat bandar dengan masyarakat desa' ditampilkan dalam cerpen *Budi Yang Tak Terbeli DAN Ingin Melihat Rambut Menantu*.

QUESTION 4 (20 marks)

Untuk menjawab soalan ini, anda harus merujuk kepada cerpen-cerpen Melayu yang telah anda pelajari tahun ini, pengalaman peribadi dan sumber-sumber tambahan yang lain.

Penyamaan status wanita dan lelaki merupakan keperluan dasar bagi pembangunan sesebuah negara. Setujukah anda?

End of paper

BLANK PAGE

BLANK PAGE

BLANK PAGE